

09/01/1999

Pelbagai pihak sokong pelantikan

M Thillinadan; Ebi Azly Abdullah; Hassan Omar
KUALA LUMPUR, Jumaat - Pemimpin Umno, komponen Barisan Nasional, kakitangan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyambut baik dan berikrar memberi sokongan penuh kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Pelantikan Abdullah oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad disifatkan sebagai gandingan mantap dua pemimpin tertinggi negara dalam usaha mengembalikan kegemilangan ekonomi negara dan mengukuhkan perpaduan rakyat Malaysia.

Ketua Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata keputusan melantik Abdullah selaku Timbalan Perdana Menteri adalah tepat dan bertujuan meningkatkan perpaduan menjelang pilihan raya umum.

Menurutnya, ia sekali gus menyelesaikan pelbagai spekulasi yang mungkin timbul berhubung pengganti Datuk Seri Anwar Ibrahim dan membolehkan Umno memberi tumpuan untuk memenangi pilihan raya umum akan datang.

"Pelantikan Abdullah memang dialu-alukan dan ia memang pilihan tepat," katanya.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Sabbaruddin Chik, berkata pelantikan Abdullah ialah untuk jawatan Timbalan Perdana Menteri dan ia tiada kaitan dengan jawatan Timbalan Presiden Umno.

Beliau berkata, pelantikan Abdullah dibuat oleh Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Kepada soalan lain, Sabbaruddin berkata pelantikan mengisi kekosongan jawatan pengerusi jawatankuasa disiplin parti tidak dibincangkan pada mesyuarat hari ini.

Ahli MT, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata pelantikan Abdullah dan rombakan Kabinet itu bertujuan meningkatkan kerjasama pucuk pimpinan ke arah usaha mengukuhkan ekonomi negara, serta persediaan menghadapi pilihan raya.

Beliau yang yakin dengan kemampuan Abdullah untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai Timbalan Perdana Menteri, menegaskan keberkesanan menjalankan tugas penting itu turut bergantung kepada kerjasama anggota Kabinet.

"Ini semua teamwork (berpasukan)... jadi tak payah nak persoal lagi pelantikan beliau itu," katanya yang melahirkan perasaan lega dengan pelantikan itu.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Abdul Kadir Mohamad, berkata pegawai dan kakitangan kementeriannya mengucapkan tahniah kepada Abdullah atas pelantikannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan mendoakan beliau terus berjaya dalam tugas barunya.

"Beliau sangat disayangi oleh kakitangan dan pegawai Wisma Putra," katanya ketika dimaklumkan mengenai pelantikan Abdullah yang turut memegang jawatan Menteri Dalam Negeri.

Kadir berkata, pegawai dan kakitangan kementerian itu juga mengalu-alukan pelantikan Datuk Seri Syed Hamid Albar sebagai Menteri Luar yang baru.

Sementara itu, Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah, berkata pengumuman perlantikan Timbalan Perdana Menteri oleh Dr Mahathir sememangnya sudah lama ditunggu-tunggu oleh rakyat Malaysia.

Menurutnya, dalam keadaan ekonomi dan politik semasa, MBM berpendapat Perdana Menteri perlu dibantu oleh seorang timbalan yang berpengalaman dalam pelbagai kementerian seperti Abdullah.

"Pengalaman Abdullah sebagai Menteri Luar dan Pegawai Tadbir Diplomatik amat penting kerana beliau sudah dikenali di mata dunia sudah dapat membantu negara menghadapi masalah ekonomi dan politik yang sebahagiannya berpunca daripada serangan pihak luar," katanya.

Di SUNGAI PETANI, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menganggap pelantikan Abdullah adalah anugerah Perdana Menteri kepada kesetiaan beliau terhadap Umno dan kerajaan yang diterajui Barisan Nasional (BN).

Beliau berkata, walaupun Abdullah pernah terkeluar daripada Kabinet ketika pemilihan Umno 1987, beliau tetap berdiri teguh kepada prinsip perjuangan Umno dan BN.

Sehubungan itu, katanya, MCA akan memberi kerjasama erat kepada Abdullah kerana beliau mampu menjamin keutuhan BN.

"Saya fikir beliau (Abdullah) adalah orang yang sudah menunjukkan kematangan dalam Umno dan seorang pemimpin berkualiti.

"Beliau sudah memberikan perkhidmatan terbaik untuk BN, kerajaan dan negara. Saya fikir beliau diberi ganjaran berkat kesetiaannya dalam perjuangannya dalam Umno," katanya selepas majlis mengangkat sumpah enam cawangan MCA baru dari seluruh Kedah, di sini malam ini.

Bagaimanapun, katanya kepimpinan Abdullah tidak seharusnya dibandingkan dengan Dr Mahathir yang mempunyai kemampuan sebagai pemimpin yang tiada tolok bandingannya dengan pemimpin lain.

Dr Ling juga mengucapkan tahniah kepada barisan Kabinet dan yakin mereka mampu berkhidmat dengan cemerlang.

Di PULAU PINANG, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon menyifatkan pemilihan Abdullah pada ketika ini adalah tepat dan dilihat sebagai calon paling layak untuk jawatan itu.

Sambil mengucapkan tahniah, beliau yakin seluruh rakyat Pulau Pinang gembira dengan berita pelantikan itu kerana seorang lagi pemimpin anak negeri itu dilantik untuk jawatan Timbalan Perdana Menteri.

"Beliau adalah calon berkelayakan untuk jawatan itu kerana pengalaman serta rekod perkhidmatan beliau yang lama dalam kerajaan dan parti serta hubungan intimnya dengan rakyat.

"Saya minta seluruh rakyat Malaysia, tanpa mengira bangsa, memberi sokongan tidak berbelah-bagi kepada Timbalan Perdana Menteri baru serta semua calon dalam Kabinet yang diumumkan awal malam ini," katanya.

Dr Koh juga mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan 'kepulangan' Tun Daim Zainudin ke portfolio kewangan.

Berdasarkan pengalaman negara ketika mengalami kemelesetan ekonomi pada 1980-an serta peranan Daim, kita berharap beliau dapat memimpin ekonomi Malaysia keluar daripada kegawatan yang dialami sekarang.

Sementara itu, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Shariff Omar, berkata rakyat Pulau Pinang terutama ahli Umno harus bangga dengan pelantikan seorang lagi anak pulau Pinang sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Beliau yang juga Timbalan Ketua Perhubungan Umno Pulau Pinang, berharap Abdullah akan memberi lebih tumpuan dalam menyatupadukan ahli Umno yang berpecah-belah selain meminta keseluruhan jentera Umno dan Barisan Nasional di semua peringkat memberi kerjasama kepada beliau.

"Kita akan memberi sokongan penuh kepada Perdana Menteri dan barisan kepemimpinannya dengan sokongan tidak berbelah-bagi dalam melaksanakan pelbagai agenda negara," katanya.

(END)